


SINTAKSIS

ANALISIS BINAAN AYAT

| 1


- Ayat terbina daripada gabungan sekurang-kurangnya dua konstituen asas, iaitu konstituen subjek dan konstituen predikat.
- Ayat juga boleh mendapat pertambahan konstituen untuk menjelaskan hal waktu, tempat dan keadaan, yang dikenali sebagai frasa keterangan.
- Konstituen subjek dan predikat masing-masing terdiri daripada frasa nama, frasa kerja, frasa adjektif atau frasa sendi nama, dan kadang-kadang dalam konstituen berkenaan boleh mempunyai lebih daripada satu frasa.
- Tiap-tiap frasa itu dibentuk oleh kata utama atau kata inti, dan sesetengahnya disertai oleh kata penerang.
- Oleh sebab binaan ayat bertingkat-tingkat atau kompleks, terdapat teori analisis ayat untuk memudahkan pengguna bahasa mengenal pasti dan memahami unsur-unsur binaan tersebut.
- Terdapat dua teori yang selalu digunakan.



Analisis Konstituen Terdekat


- Analisis konstituen terdekat ialah teknik meganalisis bahasa yang bersifat struktural untuk mengesan unsur-unsur terdekat yang membentuk binaan ayat.
- Analisis ini berdasarkan Teori Linguistik Struktural yang dipelopori oleh Ferdinand de Saussure pada pertengahan abad ke-20.
- Melalui teori ini, kita mengesan dan mengenali binaan frasa melalui hubungan antara kata, manakala binaan klausa terbit daripada gabungan antara frasa.

(a) Sayur bayam ini sangat segar.




- Dalam binaan di atas, **sayur** ialah konstituen terdekat dengan **bayam** kerana terdiri daripada satu frasa, dan **ini** ialah konstituen terdekat dengan frasa **sayur bayam** kerana menjadi penerangnya. Demikian juga **sangat** dan **segar** ialah satu lagi kaitan atau hubungan konstituen terdekat kerana merupakan kata penguat dengan kata adjektif. **Sayur bayam ini** merupakan konstituen terdekat sebagai frasa subjek, dan **sangat segar** sebagai frasa predikat. Gabungan semua konstituen terdekat tersebut menghasilkan ayat di atas.
- Kaitan konstituen ditandai dengan garisan |____|.

(b) Pekerja itu tidur di dalam bengkel.



(c) Puan Hani mahu kakitangannya mempunyai semangat tinggi.




- Terdapat kekurangan analisis konstituen terdekat, antaranya tidak dapat menjelaskan hal-hal seperti pengguguran, fungsi sesuatu binaan frasa dan klausa, dan pembinaan ayat majmuk.

| 2

Analisis Rajah Pohon

- Analisis rajah pohon ialah analisis ayat yang menggambarkan rumus binaan sesuatu ayat berdasarkan peringkat dan unsur bahasa.
 - Analisis ini menggunakan Teori Tatabahasa Transformasi Generatif yang dipelopori oleh Noam Chomsky pada tahun 1957.
 - Melalui analisis ini, kita dapat melihat peringkat binaan ayat yang bermula daripada ayat, diikuti konstituen subjek dan konstituen predikat, gabungan frasa, dan akhirnya gabungan kata.
 - Binaan fizikal rajah pohon terdiri daripada ranting-ranting yang semakin ke bawah semakin banyak jumlahnya yang menunjukkan bilangan unsur binaan bagi setiap konstituen yang terlibat.



- Setiap unsur perlu ditulis dengan menggunakan lambang kata yang merupakan bentuk singkatan yang dapat difahami. Contohnya:

Unsur	Lambang
Ayat	A
Subjek	S
Predikat	P
Frasa nama	FN
Frasa kerja	FK
Frasa adjektif	FA
Frasa sendi nama	FS / FSN
Frasa keterangan	FKet
Kata nama	KN
Kata kerja	KK
Kata adjektif	KA
Kata sendi nama	KS / KSN


Unsur	Lambang
Kata ganti nama	KGN
Kata tunjuk	KTnj
Kata hubung	KH
Kata bantu	KB
Kata penegas	KPen
Kata penguat	KPeng
Kata bilangan	KBil
Kata nafi	KNafi
Kata pemeri	KPemeri
Kata arah	KArah
Kata adverba	KAdv
Pengguguran	Ø

- Ketika membentuk rajah pohon, setiap unsur ditulis dengan tidak menggunakan kotak, dan garisan dilukis tanpa mata panah.
- Rajah pohon dapat menganalisis ayat bersusunan songsang sahaja. Oleh itu, jika ayat yang diberikan ialah ayat songsang, ayat itu perlu ditukarkan kepada susunan biasa terlebih dahulu.

(a) Analisis ayat tunggal

Contoh: **Rumah nenek itu sangat jauh dari bandar.**


| 3



(b) Analisis ayat majmuk


(i) Ayat majmuk gabungan

Contoh: **Mereka bergurau, kemudian mereka pasti berkelahi.**



(ii) Ayat majmuk pancangan

Contoh: **Kami diketepikan kerana masih dalam percubaan.**



- Berdasarkan analisis rajah pohon di atas, kita dapat memahami bahawa ayat terdiri daripada:
 - subjek dan predikat
 - setiap subjek dan predikat terdiri daripada frasa
 - frasa terdiri daripada perkataan (kata)
 - Melalui analisis rajah pohon juga kita mengetahui jenis frasa dan golongan kata dengan jelas serta kewujudan pengguguran dalam pengucapan ayat.
-